

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

Rancangan Diploma Teknologi Makmal

DTM 202/2 - Fotografi

Masa : [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab Soalan 1 dan mana-mana TIGA soalan lain. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

- 1.(a) Terangkan dengan ringkas maksud perkara-perkara tersebut
- | | |
|-----------------------------------|---------|
| [i] Filem Slaid | (2/100) |
| [ii] Fotogram | (2/100) |
| [iii] Laju pengatup/shutter speed | (2/100) |
| [iv] Penyekat kanta (f stop) | (2/100) |
| [v] Larutan Pembina/Developer | (2/100) |
| [vi] Alat Pembesar/Enlarger | (2/100) |
- (b) Berikan 3 ciri yang menentukan bahawa sesuatu cetakan itu bermutu dan normal. (3/100)
- (c) Senaraikan jenis filem yang anda ketahui dan terangkan ciri-ciri utama serta kegunaan tiap-tiap satunya. (10/100)
2. Untuk menghasilkan gambar yang menarik dan bermutu anda perlu mempraktikkan beberapa asas tangkapan gambar yang selalu dilakukan oleh jurugambar profesional. Bincangkan. (25/100)
- 3.(a) Apakah yang dimaksudkan dengan kelajuan filem? Jelaskan keadaan yang sesuai untuk sesuatu jenis filem itu digunakan.
- (b) Sebutkan langkah-langkah yang perlu dilakukan di dalam bilik gelap sewaktu proses mencetak gambar hitam putih dari awal hingga ke akhir. (25/100)

...2/-

- 2 -

4.(a) Penggunaan Tripod dan Lampu Denyar (Flashlight) amat diperlukan dalam sesuatu penggambaran. Jelaskan fungsinya.

(b) Anda mengambil gambar pada waktu siang kira-kira jam 2.00 petang dalam cuaca yang baik. Tetapi hasil gambar yang anda ambil tadi telah gagal! Mengapa?

(25/100)

5. Terangkan ciri-ciri yang didapati pada kamera jenis SLR dengan kamera format sederhana Lensa Kembar (Twin Lense).

(25/100)

- oooOooo -